

### Kanak-kanak autisme berjaya bina Lego kapal *Titanic* terbesar dunia

• **TENNESSEE, Amerika Syarikat (AS)** – Seorang kanak-kanak lelaki yang menghidap penyakit autisme berjaya membina replika blok permainan, Lego kapal *Titanic* terbesar di dunia baru-baru ini.

Brynjart Karl Bigisson, 15, yang berasal dari Reykjavik, Iceland mengambil masa selama setahun untuk membina replika kapal

sepanjang 7.92 meter dan 1.52 meter itu dengan menggunakan 56,000 bongkah kecil Lego.

"Saya mendapat inspirasi ini ketika bercuti bersama ibu ke Legoland di Denmark dan pertama kali melihat pelbagai replika berbentuk rumah, pesawat

dan kapal yang diprnbuat daripada Lego."

"Bertitik tolak dari situ, saya mula berfikir untuk menghasilkan satu model gergasi dengan menggunakan

Lego," katanya. Menurutnya, dia telah menghabiskan sekurang-kurangnya 700 jam

untuk memberi perhatian sepenuhnya terhadap ciptaaninya itu sejak dia berusia 10 tahun.

"Projek ini tidak mudah kerana menuntut ketelitian tinggi dan saya bernasib baik berjaya menyempurnakannya dengan bantuan daripada datuk yang juga seorang jurutera," katanya.

– Agensi



AGENSI  
ORANG ramai menyaksikan Lego replika kapal *Titanic* yang mula dipamerkan di Muzium Tarikan *Titanic* di Tennessee, Amerika Syarikat pada Isnin lalu.



AGENSI  
KARL BIGISSON merakam gambar dengan hasil ciptaaninya.